

17 OCT 2003

OIC-Kazakhstan/I

KAZAKHSTAN GESA PENGGALAKAN DIALOG ANTARA AGAMA

PUTRAJAYA, 17 Okt (Bernama) -- Kazakhstan berpendapat "interaksi kreatif" agama, negara dan kerajaan amat penting pada masa dunia sedang berhadapan dengan cabaran dan ancaman global.

Presiden Kazakhstan Nursultan Nazarbayev berkata negaranya, yang mempunyai keunikan dari segi toleransi agama dan keharmonian antara etnik, meletakkan kepentingan dalam menggalakkan dialog antara agama.

Beliau berkata Kazakhstan telah mengusahakan dan menganjurkan Kongres Agama Dunia dan Tradisional pertama di Astana bulan lepas.

"Kesemua peserta mengiktiraf dialog antara agama ini yang begitu penting dalam mengekalkan keamanan dan pemuafakatan antara manusia, memperkuat keselamatan dan kestabilan antarabangsa," kata beliau dalam ucapannya pada Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10 di Pusat Konvensyen Putrajaya di sini.

Teks ucapannya dibacakan oleh Menteri Luar Kazakhstan Kassymzhomart Tokayev, yang mengetuai delegasi republik Asia Tengah itu ke Sidang Kemuncak OIC.

"Pepatah bahawa `tiada keamanan di dunia tanpa keamanan di antara agama selain tiada keharmonian antara agama tanpa dialog sesama mereka' lebih relevan hari ini berbanding dahulu," kata Nazarbayev.

"Menerusi toleransi, bantuan dan perkongsian bersama, kita boleh mencapai kejayaan dalam memerangi keganasan antarabangsa, penambahan senjata pemusnah besar-besaran, pengedaran dadah dan pencemaran ekologi," kata beliau lagi.

Sambil mengucapkan tahniah kepada Malaysia yang dilantik sebagai pengerusi OIC, beliau berkata di bawah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Malaysia telah membuat sumbangan besar ke arah menukarkan pertubuhan 57 anggota itu kepada struktur antarabangsa yang lebih cekap dan berwibawa.

"Pertubuhan ini menjadi amat penting dalam menggalakkan nilai-nilai rohaniah dan kebudayaan dengan matlamat menyediakan keamanan di seluruh dunia," katanya.

-- BERNAMA

AZZ AZZ ROS